

Dadah bernilai RM232,230 dirampas

26 September 2019

Dadah bernilai RM232,230 dirampas

JOHOR BAHRU – Seorang lelaki tempatan diberkas bersama pelbagai jenis dadah bernilai RM232,230 dalam serbuan di sebuah rumah di Taman Kota Impian 2, Yong Peng dekat Batu Pahat pada Isnin lalu.

Dalam serbuan pada pukul 11 malam itu, dadah yang dirampas termasuk heroin seberat 5.082 kilogram, syabu (444 gram) dan 450 biji pil erimin 5 yang nilai keseluruhannya RM232,230.

Ketua Polis Johor, Datuk Mohd. Kamarudin Md. Din berkata, turut ditahan dua wanita warga Myanmar:

“Kesemua suspek berusia antara 29 dan 43 tahun didapati positif syabu.

“Polis masih menyiasat sama ada ketiga-tiga suspek adalah pengedar atau cuma penjaga stor simpanan dadah,” katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Johor di sini semalam.

Mohd. Kamarudin berkata, dalam serbuan sama, polis turut menyita tiga buah kereta jenis Volvo, Proton Satria dan Toyota Wish selain seutas jam tangan jenama Omega serta wang tunai berjumlah RM1,214.

Katanya, siasatan awal mendapati lelaki berkenaan mempunyai lima rekod jenayah narkotik dan satu rekod jenayah mencuri kenderaan.

“Kedua-dua suspek wanita dipercayai rakan lelaki tersebut tidak mempunyai sebarang rekod lampau,” jelasnya.